

BADAN KHAIRAT KEMATIAN & KEBAJIKAN

ANGGOTA HOSPITAL SEGAMAT

KM 6, JALAN GENUANG, 85000 SEGAMAT, JOHOR

TEL: 07-9433333 FAX: 07-9434641

Hak Cipta Terpelihara,

Versi 2013

PERLEMBAGAAN BADAN KHAIRAT KEMATIAN DAN KEBAJIKAN ANGGOTA HOSPITAL SEGAMAT

FASAL 1 NAMA

Nama Pertubuhan ini dikenali dengan nama Badan Khairat Kematian Dan Kebajikan Anggota Hospital Segamat Johor. Selepas ini disebut "Pertubuhan".

FASAL 2 ALAMAT BERDAFTAR

Alamat berdaftar Pertubuhan ini ialah di alamat : Hospital Segamat, KM 6 Jalan Genuang 85000 Segamat, Johor atau di lain tempat atau tempat-tempat yang ditetapkan dari masa ke masa oleh Jawatankuasa. Alamat Berdaftar Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 3 TUJUAN / MATLAMAT

- 3.1 Tujuan pertubuhan ini untuk menggalakkan ahli bersatu dan berkerjasama pada memberikan bantuan kewangan, bila berlaku kematian kepada ahli atau tanggungannya untuk membantu keluarga si mati yang bertanggungjawab menyempurnakan pengkebumian Jenazah si mati.
- 3.2 Menggalakkan ahli-ahli supaya dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim diantara mereka.
- 3.3 Untuk menjaga ahli-ahli di dalam hal-hal kebajikan, dan kegiatan Kemasyarakatan yang berteraskan Nilai-nilai Keislaman.

FASAL 4 KEAHLIAN

- 4.1 Ahli-ahli Pertubuhan ini terbuka kepada semua anggota Kakitangan Kerajaan yang bertugas di Hospital Segamat yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih daripada 55 tahun. Seseorang yang ingin menjadi ahli hendaklah memohon dan mendaftar namanya, nama-nama tanggungannya lengkap dengan umur dan alamat kepada setiausaha.
- 4.2 Taraf keahlian masih kekal walaupun ahli-ahli pindah atau bertukar ke lain Jabatan dengan syarat beliau terus menjelaskan yuran dan berkhidmat di Jabatan Kerajaan.
- 4.3 Setiap permohonan menjadi ahli hendaklah mengisi borang yang disediakan dan hendaklah disokong oleh dua (2) orang ahli lain, Borang yang telah dipenuhi diserahkan kepada Setiausaha untuk di bawa kepada pertimbangan Jawatankuasa.
- 4.4 Jawatankuasa berkuasa meluluskan atau menolak sebarang permohonan tanpa memberi sebab-sebabnya.
- 4.5 Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan ini hendaklah memberi kenyataan yang bertulis dua (2) minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan membayar segala hutangnya.

FASAL 5 MASUK MENJADI AHLI

- 5.1 Tiap-tiap ahli baru hendaklah membayar wang masuk menjadi ahli sebanyak RM10.00 (Ringgit Malaysia : Sepuluh Sahaja)
- 5.2 Wang masuk menjadi ahli gunanya semata-mata untuk membayar pendahuluan bantuan kematian dan kebajikan dan tidak boleh digunakan untuk perkara-perkara lain.
- 5.3 Bila ada kematian atau bantuan kebajikan, wang khairat atau bantuan kebajikan boleh dibayar daripada kumpulan wang masuk menjadi ahli.
- 5.4 Ahli-ahli yang membayar wang masuk menjadi ahli maka berhaklah ia menerima apa-apa bantuan daripada Pertubuhan ini selepas tiga (3) bulan diterima menjadi ahli dan disahkan keahlian

oleh Jawatankuasa. Ahli-ahli yang berhenti daripada menjadi ahli tidak berhak menerima bantuan kematian berserta bantuan Kebajikan dan menuntut balik apa-apa wang yang telah dibayar kepada pertubuhan ini.

FASAL 6 YURAN BULANAN

- 6.1 Tiap-tiap ahli dikenakan membayar yuran bulanan sebanyak RM3.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Sahaja) kepada Bendahari terlebih dahulu sebelum akhir tiap-tiap bulan. Ahli yang membiarkan hutang yuran bulannya lebih daripada tiga (3) bulan berturut-turut, satu peringatan akan dikeluarkan oleh Setiausaha atau Bendahari kepada ahli yang berkenaan dan jika ahli tersebut masih tidak membayar hutang yuran bulannya yang disyaratkan dalam tempoh satu (1) bulan daripada tempoh surat peringatan dikeluarkan, maka ia telah dianggap terhenti menjadi ahli.
- 6.2 Yuran bulanan dibahagikan kepada dua (2) bahagian iaitu 40 sen untuk bahagian pentadbiran dan RM2.60 (Ringgit Malaysia: Dua dan Enam Puluh Sen Sahaja) untuk bahagian khairat kematian dan bantuan kebajikan. Kira-kira bagi tiap-tiap bahagian hendaklah diasingkan. Yuran bahagian khairat dan bantuan kebajikan akan dimasukkan ke dalam tabung khairat dan bantuan kebajikan bersama-sama wang menjadi ahli untuk membayar bantuan seperti di fasal 8 dan 9.
- 6.3 Segala wang masuk dan lain-lain sumber pendapatan hendaklah digunakan untuk pembayaran bantuan dan wang ini hendaklah dimasukkan ke dalam Bank Simpanan Nasional atau disimpan dengan satu bank daripada Malaysia Exchange Bank Association atas nama pertubuhan.

FASAL 7 KEWANGAN

- 7.1 Tertakluk kepada peraturan-peraturan berikut dalam undang-undang ini, wang Pertubuhan ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan, termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji serta upah pemeriksa kira-kira. Walau bagaimanapun, wang itu tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah.
- 7.2 Bendahari dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM300.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada itu mestilah dimasukkan kedalam bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Pertubuhan.
- 7.3 Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang daripada kira-kira Pertubuhan hendaklah ditandatangani bersama Yang Dipertua, Setiausaha dan Bendahari. Semasa ketiadaan Yang Dipertua, Setiausaha atau Bendahari maka bolehlah Jawatankuasa melantik sesiapa diantara mereka sebagai pengganti untuk menandatangani cek atau kenyataan pengeluaran wang Pertubuhan.
- 7.4 Perbelanjaan berjumlah RM3,000.00 dan keatas (Ringgit Malaysia: Tiga Ribu dan keatas) bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa dan perbelanjaan yang lebih RM5,000.00 dan keatas (Ringgit Malaysia: Lima Ribu dan keatas) bagi sesuatu masa tidak boleh dikeluarkan tanpa mendapat kebenaran Mesyuarat Agong terlebih dahulu. Perbelanjaan yang kurang daripada RM3,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ribu Sahaja) bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh yang Dipertua bersama Setiausaha dan Bendahari. Walaupun demikian pembayaran bantuan yang ditetapkan dalam Fasal 8 & 9 dibawah tidak tertaluk kepada sekatan ini dan boleh dibayar seterusnya jika syarat-syarat mendapatkan bantuan telah disempurnakan.

- 7.5 Penyata dari hal wang yang diterima dan dibelanjakan serta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-Kira yang dilantik di bawah Fasal 17 undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamatnya tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk diluluskan oleh Mesyuarat Agong Tahunan yang berikut dan salinannya hendaklah dibekalkan untuk makluman ahli di alamat tempat urusan Pertubuhan.
- 7.6 Tahun kewangan Pertubuhan ini bermula dari 1hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember tiap-tiap tahun.

FASAL 8 BANTUAN KEMATIAN

Wang bantuan akan dikeluarkan bila berlaku kematian seperti di bawah ini :

- a)** Atas kematian ahli :

RM500.00

- b)** Atas kematian Isteri dan Isteri-isteri ahli serta suami ahli :

RM200.00

- c)** Atas kematian anak dan anak angkat yang berumur 12 tahun :

RM150.00 Dan keatas

- d)** Atas kematian anak dan anak angkat yang belum mencapai

RM150.00 umur 12 tahun

- e)** Atas kematian Ibulbapa / Mertua

RM100.00

- f)** Atas kematian ahli yang telah bersara

RM50.00

FASAL 9 BANTUAN KEBAJIKAN (AHLI SAHAJA)

Wang bantuan kebajikan adalah seperti berikut :

- a) Bayaran kebajikan kepada ahli yang hilang keupayaan atau
RM200.00
Kecacatan kekal (Merujuk kepada tafsiran Perbendaharaan 13/94
- b) Bencana alam (seperti banjir,kebakaran,rebut taufan,gempabumi
RM100.00
Dan lain-lain) yang melibatkan rumah kediaman ahli.
- c) Rawatan Perubatan 4 hari dan ke atas di Hospital
RM50.00
(sekali dalam satu tahun untuk ahli sahaja)
- d) Rawatan perubatan di Hospital (Masuk Wad)
RM100.00
(sekali dalam satu tahun untuk ahli sahaja)
- e) Bantuan kepada ahli atau isteri/isteri ahli bersalin
RM50.00
- f) Ahli yang akan berkahwin
RM50.00
- g) Ahli bertukar
RM50.00
- h) Sumbangan kepada ahli yang bersara
RM200.00
- i) Peruntukan bagi membuat lawatan (ziarah) keatas ahli
(Sekurang-kurangnya 10km keatas dan diluluskan oleh Yang
Dipertua)
Minima
RM10.00
Maksima
RM50.00

j) Kemudahan perjalanan pulang selepas keluar daripada Wad di luar daerah

RM50.00

k) Sumbangan keatas Hari-hari perayaan (Hari Raya dan lain-lain)

1. Hari Raya Aidilfitri

RM500.00

2. Tahun Baru Cina

RM200.00

3. Hari Deepavali

RM200.00

4. Hari Krismas

RM200.00

FASAL 10 SYARAT BANTUAN

Bantuan kematian akan dibayar atas kematian ahli dan tanggungan-tanggungan ahli yang namanya terdapat di dalam daftar yang disimpan oleh setiausaha dengan syarat ada sijil mati yang sah. Atas kematian tanggungan, bantuan akan dibayar kepada ahli dan atas kematian ahli sendiri bantuan akan dibayar kepada warisnya. Bantuan kematian akan dibayar kepada seorang waris sahaja.

FASAL 11 PENTADBIRAN

11.1 Kuasa yang tertinggi di dalam Pertubuhan ini terletak di atas Mesyuarat Agong. Mesyuarat Agong Tahunan ahli-ahli hendaklah melantik ahli-ahli Jawatankuasa dua tahun sekali untuk mentadbir perjalanan harian Pertubuhan. Mereka ini akan memegang jawatan selama dua tahun.

Ahli-ahli Jawatankuasa ini mengandungi :-

- 1) Seorang Yang Dipertua
- 2) Seorang Naib Yang Dipertua
- 3) Seorang Setiausaha
- 4) Seorang Penolong Setiausaha
- 5) Seorang Bendahari
- 6) Lima (5) Orang Ahli Jawatankuasa Biasa

11.2 Nama-nama untuk jawatan-jawatan di atas hendaklah dicadangkan serta disokong dan dipilih dijalankan dua tahun sekali dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Semua pegawai boleh dilantik semula .

11.3 Semua ahli yang berkhidmat di dalam Jawatankuasa dan tiap-tiap Pegawai yang lain yang menjalankan tugas pemerintahan di dalam Pertubuhan ini hendaklah dari warganegara Malaysia.

FASAL 12 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

12.1 Yang Dipertua hendaklah menjadi Pengerusi semua Mesyuarat Jawatankuasa dan semua Mesyuarat Agung dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan mesyuarat bila telah diluluskan. Ia hendaklah menandatangani semua cek pertubuhan bersama-sama dengan Setiausaha dan Bendahari.

12.2 Naib Yang Dipertua akan membantu yang Dipertua menjalankan urusan pentadbiran Pertubuhan dan dalam masa ketiadaan Pengerusi, ia akan mempengerusikan segala mesyuarat dan juga menjalankan tugas-tugas Yang Dipertua.

12.3 Setiausaha akan menguruskan segala surat menyurat bagi pihak Pertubuhan, menyimpan segala peringatan mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung, menjaga buku-buku peringatan tentang perjalanan Pertubuhan dan menjalankan tugas-tugas yang patut diselenggarakan oleh Setiausaha.

Buku-buku daftar ahli hendaklah mengandungi butir-butir berikut :

- | | |
|-------------------------|-------------------------------------|
| 1. Bil Ahli | 5. No.Kad Pengenalan |
| 2. Nama Ahli
Majikan | 6. Alamat Rumah & Alamat
Majikan |
| 3. Tarikh Menjadi Ahli | 7. Nama-Nama tanggungan |
| 4. Umur / Tarikh Lahir | 8. Nama Waris |

Ia hendaklah menandatangani semua Cek Pertubuhan bersama-sama dengan Yang Dipertua atau Bendahari. Setiausaha hendaklah didalam masa 60 hari daripada Mesyuarat Agung Tahunan diadakan mengirim penyata tahunan Pertubuhan kepada Pendaftar Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 14 (1) Akta Pertubuhan 1996.

12.4 Penolong Setiausaha hendaklah menolong Setiausaha menjalankan kerja-kerja dan memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.

12.5 Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Pertubuhan. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas keputusannya. Ia hendaklah menandatangani semua cek Pertubuhan bersama-sama dengan Yang Dipertua atau Setiausaha.

12.6 Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan menolong pegawai yang di atas itu menjalankan tugas-tugas mereka.

FASAL 13 MESYUARAT AGONG

- 13.1 Mesyuarat Agong Tahunan hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhirnya tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 30 April tiap-tiap tahun. Notis mesyuarat tersebut salinan laporan tahunan dan Penyata Kira-kira yang telah diperiksa oleh Juruaudit yang telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan bagi tahun yang lalu hendaklah diedarkan kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum di adakan mesyuarat.
- 13.2 Perkara-perkara yang hendak diuruskan dalam Mesyuarat Agong Tahunan ialah:-
- 13.2.1 Mengesahkan Minit Mesyuarat Agong yang lepas
 - 13.2.2 Menerima Laporan Jawatankuasa berkenaan kerja-kerja pertubuhan di dalam tahun lalu.
 - 13.2.3 Menerima Penyata Kira-Kira bagi tahun yang lalu.
 - 13.2.4 Melantik ahli-ahli Jawatankuasa dan pemeriksa kira-kira dua tahun sekali
 - 13.2.5 Menguruskan perkara-perkara lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.
- 13.3 Mesyuarat Agong Tahunan hanya akan sah dijalankan jika dihadiri oleh ahli-ahli yang berjumlah tidak kurang daripada tiga kali jumlah ahli jawatankuasa.

FASAL 14 MESYUARAT AGONG KHAS

- 14.1 Mesyuarat agong Khas boleh diadakan pada bila-bila masa pun apabila difikirkan mustahaknya oleh mesyuarat Jawatankuasa dan mestilah diadakan oleh Setiausaha dalam tempoh 30 hari setelah menerima permintaan bertulis yang ditandatangani beramai-ramai oleh tidak kurang daripada satu perempat ($\frac{1}{4}$) jumlah ahli yang menerangkan sebab-sebab hendak diadakan mesyuarat itu.
- 14.2 Notis dan agenda untuk Mesyuarat Agong Khas hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum diadakan mesyuarat

14.3 Mesyuarat Agong Khas sah dijalankan jika dihadiri oleh ahli-ahli yang berjumlah tidak kurang daripada tiga kali jumlah ahli-ahli Jawatankuasa.

FASAL 15 MESYUARAT JAWATANKUASA

15.1 Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diadakan sekurang-kurangnya tiga bulan sekali dan boleh diadakan juga pada bila-bila masa pun jika difikirkan perlu oleh Yang Dipertua.

15.2 Notis dan agenda untuk mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diedarkan kepada semua ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya 7 hari sebelum diadakan mesyuarat.

15.3 Mesyuarat Jawatankuasa hanya sah dijalankan jika dihadiri oleh tidak kurang daripada setengah jumlah ahli-ahli Jawatankuasa.

15.4 Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa.

FASAL 16 PEMECATAN AHLI

Pemecatan ahli-ahli Jawatankuasa dan pilihan gantinya boleh dilakukan di dalam Mesyuarat Agong Khas. Mesyuarat jawatankuasa boleh melantik pemangku bagi jawatan-jawatan yang kosong kerana ahli-ahli Jawatankuasa yang kosong kerana ahli-ahli Jawatankuasa yang berhenti atau meninggal dunia.

FASAL 11 PEMERIKSA KIRA-KIRA

Dua orang ahli yang bukan ahli-ahli Jawatankuasa hendaklah dilantik dua tahun sekali di dalam Mesyuarat Agong Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-kira. Mereka dikehendaki memeriksa kira-kira Pertubuhan bagi setahun dan membuat laporan untuk Mesyuarat Agong Tahunan. Mereka juga boleh memeriksa kira-kira Pertubuhan pada bila-bila masa juga jika difikirkan perlu oleh Yang Dipertua. Sekurang-kurangnya sekali tiap-tiap tahun, kira-kira Pertubuhan hendaklah dikemukakan untuk Juruaudit yang diluluskan terlebih dahulu oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 18 PERKARA AM

- 18.1 Seorang ahli boleh menamakan sebagai orang yang akan menerima wang bantuan daripada golongan yang disebut selepas ini suami, isteri, anak (termasuk anak angkat), cucu, ibubapa, ibu mertua, menantu saudara seibu dan sebapa, anak kepada saudara seibu dan sebapa, atau anak kepada saudara seibu dan sebapa atau ibu saudara seibu dan sebapa atau anak kepada bapa atau ibu saudara seibu atau sebapa kepada ahli dengan syarat seorang ahli boleh menamakan mana-mana orang lain dengan bertulis yang ditandatangani sendiri di hadapan dan disahkan oleh Jaksa Pendamai atau Majistret atau Pendaftar Pertubuhan.
- 18.2 Tiap-tiap ahli hendaklah diberi satu salinan undang-undang Pertubuhan ini.
- 18.3 Buku-buku berkenaan dengan Pertubuhan ini dan daftar ahli-ahli boleh diperiksa oleh seseorang yang mempunyai sesuatu kepentingan dalam kumpulan wang Pertubuhan dengan syarat memberitahu Setiausaha 5 hari terlebih dahulu.
- 18.4 Ahli-ahli yang ada kemusykilan terhadap pegawai-pegawai Pertubuhan atau Pertubuhan ini boleh mengemukakan kemusykilan di dalam mesyuarat agong dan keputusan mesyuarat Agong adalah mutlak dan tidak boleh dibawa ke mahkamah. Bekas ahli dan mereka yang ada sangkutannya dengan Pertubuhan ini boleh mengemukakan kemusykilan ke dalam Mesyuarat agong melalui ahli Pertubuhan.

- 18.5 Ahli yang sengaja melanggar undang-undang Pertubuhan ini atau berkelakuan tidak baik sehingga mendatangkan atau akan mendatangkan keburukan nama baik atau kerugian Pertubuhan ini boleh dipecat ahli dari menjadi ahli oleh mesyuarat Jawatankuasa. Sebelum dipecat ahli itu mestilah diberitahu dengan bertulis tentang-tentang sebabnya ia hendak dipecat ahli dan diberi peluang untuk member apa-apa penjelasan yang ada dengan bertulis atau dengan menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa yang di adakan khas kerananya. Jika $\frac{2}{3}$ daripada jumlah ahli-ahli Jawatankuasa yang hadir dalam mesyuarat mengundi menyokong pemecatan, maka ahli dipecat dengan serta merta. Walaupun demikian ahli itu boleh, jika tidak puas hati merayu kepada Mesyuarat agong menurut ceraiian 18.4 di atas.
- 18.6 Seseorang Pelajar Universiti atau Kolej Universiti tidak akan diterima menjadi ahli Pertubuhan ini kecuali ia telah dibenarkan terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor Universiti yang berkenaan.
- 18.7 Lima puluh peratus daripada kumpulan-kumpulan wang Pertubuhan yang tidak segera dikehendaki untuk membayar faedah-faedah, bolehlah dilaburkan dengan cagaran-cagaran amanah atau dengan persetujuan Mesyuarat Agong dan diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan atas syarat-syarat sebagaimana yang dikemukakan bagi membeli tanah.
- 18.8 Permainan Video, computer, billiard, snooker dan semua jenis judi dalam permis Pertubuhan dilarang sama sekali.
- 18.9 Badan ini boleh menerima apa-apa bentuk derma daripada orang perseorangan, kelab-kelab dan lain-lain Pertubuhan yang berdaftar atau badan-badan kewangan yang lain. Juga ia boleh menjalankan berberapa kegiatan yang akan menambahkan tabung kewangan dengan tidak menyalahi undang-undang Kerjaan Malaysia.

FASAL 19 PENGAMANAH

- 19.1 Tiga orang Pengamanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat agong dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Pertubuhan. Kepada mereka yang diamanahkan semua harta tetap dan Pelaburan Kumpulan Wang Pertubuhan dengan menandatangani satu Surat Amanah. Seseorang ahli yang memegang jawatan Setiausaha dan Bendahari dalam Pertubuhan ini tidak boleh dilantik menjadi seorang Pengamanah.
- 19.2 Satu salinan ketetapan melantik seorang pemegang amanah yang ditandatangani oleh Pengamanah yang dilantik dan disahkan oleh Setiausaha hendaklah dihantarkan kepada Pendaftar Pertubuhan.
- 19.3 Seorang Pengamanah boleh dilucutkan daripada jawatannya ke Mesyuarat Agong oleh sebab unzur kerana penyakit, tidak siaman, tidak berada di dalam negeri atau lain sebab yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau pembuangan bagi seorang Pengamanah, maka kekosongan itu bolehlah dipenukan oleh Pengamanah yang baru dilantik di dalam Mesyuarat Agong.

FASAL 20 TAFSIRAN UNDANG-UNDANG

Diantara Mesyuarat-mesyuarat Agong, Mesyuarat Jawatankuasa bolehlah member tafsiran kepada undang-undang ini dan memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini. Keputusan Jawatankuasa itu adalah muktamad jika tidak atau sehingga dirombak oleh Mesyuarat Agong.

FASAL 21 PINDAAN UNDANG-UNDANG

Segala pindaan kepada Undang-undang ini hendaklah diluluskan di dalam Mesyuarat Agung oleh ahli-ahli yang hadir dengan suara terbanyak akan tetapi pindaan kepada undang-undang yang akan mengurangkan bantuan yang ditetapkan dalam Undang-undang ini hanya boleh dibuat dengan persetujuan tiga suku daripada jumlah ahli-ahli Pertubuhan dengan cara undi sulit. Permohonan untuk pindaan Undang-undang berdaftar hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari daripada tindakan keputusan hendak membuat pindaan itu. Segala pindaan undang-undang tidak boleh dijalankan kuatkuasanya sebelum terlebih dahulu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 22 PEMBERIAN SAGUHATI

Sesiapa dari ahli Pertubuhan yang didapati banyak masa dan tenaga kerja melibatkan di dalam kerja-kerja perjalanan Pertubuhan ini, saguehati akan diberikan kepadanya. Pemberian ini akan dibincangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

FASAL 23 PEMBUBARAN

Pertubuhan ini tidak boleh dibubarkan melainkan dengan persetujuan tiga perlima (3/5) daripada jumlah ahli-ahli yang berhak mengundi di dalam mesyuarat agong diadakan khas kerananya. Apabila keputusan didapati, maka segala hutang dan piutang yang sah hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah dibahagi-bahagikan mengikut keputusan Mesyuarat Agung untuk pembubaran Pertubuhan ini. Kenyataan bersabit dengan pembubaran ini hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan di dalam masa 14 hari daripada tarikh pembubaran ini.

**BORANG PENDAFTARAN
BADAN KHAIRAT KEMATIAN DAN KEBAJIKAN
ANGGOTA HOSPITAL SEGAMAT**

BORANG MENJADI AHLI BADAN KHAIRAT KEMATIAN & KEBAJIKAN ANGGOTA HOSPITAL SEGAMAT

(Pendaftaran Masuk RM 10.00, Yuran Bulanan RM 3.00 Sebulan)

TARIKH MENJADI AHLI :	NO. AHLI :
NAMA PEMOHON : (HURUF BESAR)	NO. KAD PENGENALAN :
TARIKH LAHIR : UMUR :	NO. GAJI :
ALAMAT :	PEKERJAAN :
	UNIT :

BIL	NO. AHLI	NAMA TANGGUNGAN AHLI	UMUR	TARIKH LAHIR	NO. K/P ATAU SURAT BERANAK	ALAMAT	HUBUNGAN DENGAN AHLI

DISOKONG OLEH :.....

.....
Tandatangan PemohonDISAHKAN OLEH :.....
Yang Dipertua.....
Bendahari.....
Setiausaha

Hubungan dengan ahli :

Seperti : Isteri / Suami, anak-anak termasuk anak angkat termasuk anak angkat yang diambil mengikut undang-undang, Ibu Bapa.

Borang yang telah siap diisi hendaklah dimajukan kepada AJK.